



30 Juta Rakyat Amerika Melihat Tengku di Televisyen

Kira-kira 30 juta rakyat Amerika telah melihat Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj melalui peti-peti televisyen mereka pada 1 November yang lalu. Beliau kelihatan dalam program “Hari Ini” (salah satu program yang masyhur di Amerika), yang diselenggarakan oleh Dave Garroway.

Gambar menunjukkan Tengku bersama Martin Agronsky, juruulas radio dan televisyen yang terkenal, yang telah menginterview Tengku di hadapan kamera televisyen di studio National Broadcasting Company, Washington, salah sebuah syarikat radio dan televisyen yang terbesar di Amerika.

Tengku telah selamat kembali ke Tanah Air pada 28 November yang lalu dan telah disambut dengan meriahnya.

Mengenai Irian Barat, Tengku menegaskan masalah itu boleh diselesaikan kalau ada keinginan yang bersungguh-sungguh dari pihak Indonesia dan Belanda.

Dalam ucapannya di Lapangan Terbang Kuala Lumpur, Tengku berkata, bahawa beliau pergi ke luar negeri mengenai urusan Irian Barat bukanlah untuk memandai-mandai atau mencari nama, tetapi ialah dengan maksud ikhlas dan bersungguh-sungguh hendak mencari ikhtiar supaya soal Irian Barat dapat diselesaikan dengan cara damai.

Lebih lanjut Tengku menegaskan, bahawa beliau tidak suka dan tidak mahu melihat soal Irian Barat ini meletup di Asia Tenggara.

Tengku juga menyatakan kesanggupannya pergi ke Jakarta hari ini juga jika ada keinginan yang bersungguh-sungguh untuk mencapai penyelesaian masalah Irian Barat.



Tengku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, sedang berucap dalam suatu majlis keraian di Amerika. Majlis itu diadakan oleh Badan Hal Ehwat Dunia di San Francisco, untuk mengalu-alukan kunjungan ke daerah itu baharu-baharu ini.

* * *



Baharu-baharu ini Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah memberikan \$30,000 kepada Kerajaan Pakistan sebagai derma bantuan orang-orang yang menjadi mangsa banjir. Gambar menunjukkan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di Pakistan, Dato' Kamaruddin bin Haji Idris sedang menyampaikan cek itu kepada Tuan Akram Allah, Menteri Luar Pakistan, di Karachi.



Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, sedang beramah tamah dengan President Amerika Sharikat, Tuan Eisenhower, di Rumah Putih, Washington.